Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Dasar monetari akan memastikan prospek pertumbuhan mampan.**
- **Langkah kehematan makro yang sedia ada untuk mengurus ketidakseimbangan kewangan yang berpunca daripada sektor isi rumah dan perniagaan serta pasaran harta tanah, masih relevan.**

OPR kekal akomodatif pada 3.00%

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada bulan Julai dan September, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dikekalkan pada 3.00%. Pada mesyuarat bulan November baru-baru ini, MPC juga memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar tersebut. Pada tahap OPR ini, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong aktiviti ekonomi.

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia terus positif, dalam keadaan pertumbuhan global yang terus kukuh. Pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi daripada jangkaan menjadikan prospek ekonomi domestik lebih baik. Prospek pertumbuhan yang lebih positif ini disokong oleh kesan limpahan sektor luaran yang lebih besar terhadap ekonomi domestik. Permintaan dalam negeri disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang semakin baik dan pelaburan yang mampan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Walaupun risiko pertumbuhan semakin berkurang, masih terdapat risiko daripada persekitaran luaran akibat perkembangan politik dan dasar dalam ekonomi utama serta risiko geopolitik. Sekiranya risiko ini menjadi kenyataan, ia akan memberikan kesan buruk terhadap pertumbuhan global dan juga pasaran kewangan.

Inflasi keseluruhan dijangka berada pada paras lebih tinggi dalam julat 3% - 4% yang diramalkan untuk tahun 2017. Namun, inflasi keseluruhan bagi tahun 2018 diunjurkan menurun berikutan jangkaan pengurangan kesan daripada faktor kos global. Trend inflasi keseluruhan, bagaimanapun, terus bergantung pada pergerakan harga minyak dunia. Inflasi asas, meskipun kekal pada paras yang sama hasil daripada permintaan dalam negeri yang teguh, dijangka dapat dibendung. Ini memandangkan kapasiti produktif yang terus berkembang akan membolehkan ekonomi memenuhi permintaan yang meningkat.

Keadaan monetari dan mudah tunai terus stabil dan menyokong aktiviti ekonomi. Ringgit semakin kukuh sepanjang suku ketiga dan lebih mencerminkan asas-asas ekonomi. Pembiayaan kepada sektor swasta terus meningkat dan jumlah mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi. Risiko ketidakseimbangan kewangan masih terkawal. Ini berikutan langkah-langkah kehematan makro sedia ada yang berkesan dalam mengurus tanda-tanda risiko yang mendatang.

Keadaan makroekonomi global dan domestik yang kukuh memberikan fleksibiliti kepada MPC untuk mengkaji semula tahap akomodasi dasar monetari. Ini bagi memastikan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia terus mampan.

Penilaian Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee, FSC) Bank mendapati kestabilan kewangan domestik kekal terpelihara

Mesyuarat FSC ke-52 telah diadakan pada 7 November 2017. Berdasarkan penilaian FSC, kestabilan kewangan domestik terus terpelihara dan disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh. FSC mendapati punca utama risiko kestabilan kewangan domestik ialah peminjam yang menanggung bebanan hutang yang besar dan bekalan berlebihan ruang pejabat, kompleks membeli-belah dan harta kediaman bertingkat tinggi mewah.

FSC mendapati risiko kepada kestabilan kewangan yang berkaitan dengan hutang isi rumah dan paras pinjaman sektor korporat kebanyakannya masih terkawal, hasil pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro yang wajar. Keadaan bekalan berlebihan bagi ruang pejabat dan kompleks membeli-belah dijangka lebih buruk dengan penambahan bekalan yang akan datang. Keadaan lebihan ini dan jumlah kondominium mewah belum terjual yang bertambah, akan menimbulkan risiko kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan, jika tidak dibendung. Pada masa ini, bank didapati boleh menghadapi pasaran harta tanah yang lembap memandangkan dedahan langsung adalah terhad, manakala kadar pinjaman terjejas adalah rendah dan stabil. Aktiviti pembiayaan terus menyokong pertumbuhan ekonomi berikutan pendanaan dan keadaan mudah tunai sistem perbankan yang menggalakkan.

Prospek bagi kestabilan kewangan domestik pada tahun 2018 dijangka stabil. Bank akan terus mengkaji kesan daripada liberalisasi tarif motor dan perpindahan kepada PIN & PAY. Selain itu, Bank akan sentiasa memantau risiko keselamatan siber, skim kewangan haram dan perkembangan amalan pasaran. Mulai Januari 2018, nama institusi kewangan yang dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana tidak mematuhi peraturan pengawalan Bank akan disiarkan. Langkah ini sejajar dengan usaha mempertingkat ketelusan dan pendedahan.

Sorotan dasar lain yang dilaksanakan pada S3 2017

FSC mengumumkan penyediaan Kemudahan Bantuan Bencana untuk PKS sebanyak RM500 juta pada 8 November 2017. Kemudahan ini bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan PKS yang menjadi mangsa banjir di beberapa buah negeri di utara Semenanjung Malaysia di samping membantu memulihkan operasi perniagaan[8].

Pada suku ketiga, Bank telah mengkaji semula kriteria kelayakan bagi syarikat yang memohon bantuan daripada Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC). Kajian semula ini membuka ruang kepada syarikat yang lebih pelbagai, terutamanya syarikat dalam sektor ekonomi tertentu, yang terus menghadapi keadaan perniagaan yang mencabar. Kajian semula ini bertujuan memastikan syarikat yang berdaya maju akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi benar.

[8] http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_press&pg=bm_press&ac=4539&lang=bm

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global dijangka berkembang dengan lebih pantas pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan yang bertambah baik dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun.**
- **Ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada tahun 2017.**
- **Inflasi keseluruhan dijangka berada pada paras yang lebih tinggi dalam julat yang diramalkan, iaitu 3 - 4% bagi keseluruhan tahun 2017.**

Ekonomi global dijangka tumbuh lebih pantas, disokong oleh prestasi pertumbuhan lebih baik merentas rantau

Prestasi ekonomi global yang kukuh pada suku ketiga telah memperkukuh prospek pertumbuhan global yang positif untuk tahun 2017. Sehubungan dengan itu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyemak unjuran pertumbuhan global sebanyak dua kali (pada bulan April dan Oktober), untuk mencerminkan momentum pertumbuhan lebih kukuh daripada jangkaan apabila pertumbuhan merentas negara menjadi lebih segerak dan mantap.

Dalam ekonomi maju, penggunaan terus menjadi tunjang pertumbuhan, dengan dorongan tambahan daripada pelaburan. Yang penting, peningkatan pelaburan telah disokong oleh permintaan yang lebih kukuh di tengah-tengah kapasiti lebihan yang semakin mengecil. Keadaan pasaran pekerja dijangka terus bertambah baik, lantas merangsang penggunaan swasta. Pertumbuhan dalam negara sedang pesat membangun akan terus mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang kukuh, terutamanya daripada ekonomi maju dan pengembangan berterusan aktiviti dalam negeri.

Namun, prospek pertumbuhan masih terdedah pada beberapa risiko. Hal ini disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian mengenai masa, kadar kecepatan dan magnitud langkah-langkah yang akan diambil oleh ekonomi utama untuk mengembalikan dasar monetari ke paras yang lebih wajar. Selain itu, dasar

Pertumbuhan yang meningkat diunjurkan merentas rantau

Rajah 34: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Oktober 2017)

Penunjuk utama menggambarkan ekonomi dalam negeri terus berkembang

Rajah 35: Indeks Pelopor Komposit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan kekal melebihi had keyakinan pada S3 2017

Rajah 36: Indeks Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

perlindungan perdagangan, ketidakpastian mengenai perkembangan politik di beberapa bahagian Eropah serta ketegangan geopolitik dan turun naik harga minyak turut menjadi risiko terhadap prospek pertumbuhan global.

Ekonomi Malaysia dijangka meningkat lebih tinggi pada tahun 2017

Susulan prestasi yang terus kukuh pada suku ketiga, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka lebih kukuh pada tahun 2017. Melangkah ke hadapan, ekonomi negara dijangka berupaya mencatat pertumbuhan yang kukuh, hampir pada kadar lebih tinggi dalam julat ramalan rasmi 5.2 - 5.7% pada tahun itu. Momentum pertumbuhan menjadi lebih pantas ekoran kesan limpahan lebih besar daripada sektor luaran terhadap ekonomi dalam negeri. Persekitaran operasi nyata bertambah baik dengan isi rumah dan perniagaan terus berupaya membuat pelarasan dengan keadaan ekonomi global dan domestik sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Penunjuk-penunjuk utama seperti indeks pelopor komposit Jabatan Perangkaan Malaysia dan Indeks Keadaan Perniagaan MIER menguatkan jangkaan bahawa ekonomi domestik akan terus berkembang. Bagi tahun 2018, permintaan dalam negeri dijangka menjadi sumber utama pertumbuhan. Penggunaan swasta akan kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan, disokong oleh keadaan pendapatan dan pasaran pekerja keseluruhan yang bertambah baik. Pelaburan kekal mampan hasil daripada pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan pelaburan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sektor luaran dijangka menjadi perangsang pertumbuhan tambahan kepada ekonomi hasil daripada pertumbuhan global yang lebih baik. Secara keseluruhan, penilaian yang dibuat mendapati pertumbuhan Malaysia akan terus kukuh pada tahun 2018.

Dari segi penawaran, permintaan luar dan dalam negeri yang bertambah baik akan memberikan manfaat kepada sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pertumbuhan sektor pertanian akan dipacu oleh pemulihan dalam kadar hasil minyak sawit mentah selepas terjejas oleh fenomena El Niño. Pertumbuhan sektor perlombongan dijangka disumbangkan oleh pengeluaran lebih tinggi daripada loji pengeluaran baharu minyak dan gas. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan akan disokong oleh projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada.

Melangkah ke hadapan, inflasi dijangka kekal pada paras tinggi pada bulan-bulan akan datang berdasarkan kenaikan harga minyak dunia. Namun, trend ini dijangka bersifat sementara

Sejak akhir bulan Oktober 2017, terdapat perubahan yang ketara dalam perkembangan faktor kos. Harga minyak dunia naik mendadak berikutan laporan bahawa permintaan terhadap minyak akan meningkat dan juga faktor ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Perkembangan ini telah menyebabkan harga bahan api domestik meningkat, lantas meningkatkan risiko kenaikan kadar inflasi dalam jangka masa terdekat. Sekiranya paras harga minyak dunia terus tinggi, harga bahan api domestik akan turut meningkat, dan seterusnya menyebabkan inflasi keseluruhan terus berada pada paras yang tinggi pada bulan-bulan akan datang. Bagi tahun 2017 secara keseluruhan, inflasi dijangka berada pada paras yang lebih tinggi dalam julat yang diramalkan antara 3 - 4%.

Melangkah ke hadapan, meskipun inflasi asas akan didorong oleh permintaan dalam negeri yang teguh, kadar kenaikannya akan dibendung oleh pengembangan kapasiti pengeluaran secara berterusan. Berserta jangkaan kenaikan lebih kecil dalam kos faktor global, inflasi keseluruhan diunjurkan sederhana pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, trend inflasi akan bergantung pada harga minyak dunia akan datang yang masih amat tidak menentu.